

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian akan menubuhkan mahkamah khas untuk kes-kes gangguan seksual kanak-kanak dan kes-kes jenayah lain terhadap kanak-kanak. Sekiranya tidak, apa sebabnya dan macam mana kes-kes jenayah terhadap kanak-kanak dapat diselesaikan dengan baik.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kes-kes gangguan seksual kanak-kanak adalah dibicarakan di Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak (MJSKK). MJSKK telah ditubuhkan sejak tahun 2017 bagi membicarakan kes-kes jenayah seksual yang melibatkan mangsa kanak-kanak termasuklah kesalahan yang dituduh di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] dan juga Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

Sekian, terima kasih.